

THE MARGINALIZATION OF COASTAL FISHING COMMUNITIES IN ISLAMIC OUTREACH: AN ANALYSIS OF SOCIAL AND RELIGIOUS CONSTRAINTS

KETERPINGGIRAN KOMUNITI NELAYAN PANTAI DALAM ARUS DAKWAH: ANALISIS TERHADAP KEKANGAN SOSIAL DAN KEAGAMAAN

Ideris Isahakⁱ, Muhammad Yusri Yusof@Sallehⁱⁱ & Nurul Khairiah Khalidⁱⁱⁱ

ⁱ Pelajar Siswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. iderisukmjaipk@gmail.com

ⁱⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, Perak. yusri613@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, Perak. nkhairiah@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 17 August 2025

Revised: 12 September 2025

Accepted: 30 September 2025

Abstract	<i>This study explores the marginalization of coastal fishing communities within the current landscape of Islamic outreach (da'wah) in Malaysia, focusing on the social and religious constraints that hinder effective religious engagement. Although this group plays a vital role in the nation's fisheries economy, they are frequently excluded from mainstream da'wah initiatives due to geographical isolation, socioeconomic hardship, and low levels of formal education. Adopting a qualitative approach, this study employs document analysis of scholarly journals, institutional reports, and literature pertaining to the lives of fishing communities. The findings reveal a range of challenges including drug addiction, reliance on superstitious practices, lack of religious knowledge, and ineffective support systems in existing da'wah strategies. The study highlights the need for a more contextual and inclusive approach to da'wah, grounded in a deeper understanding of the lived realities of coastal fishermen. It is hoped that the results of this study will contribute to the development of more effective and sustainable outreach policies for this often-overlooked maritime population.</i> Keywords: <i>Marginalization, Fisherman, Coastal, Da'wah, Geographical.</i>
Abstrak	<i>Kajian ini mengupas isu keterpinggiran komuniti nelayan pantai dalam arus dakwah Islam di Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada kekangan sosial dan keagamaan yang menjadi penghalang utama terhadap keberkesanan penyampaian dakwah kepada mereka. Meskipun golongan ini memainkan peranan penting dalam ekonomi perikanan negara, mereka sering diabaikan daripada liputan program dakwah arus perdana disebabkan faktor geografi, sosioekonomi, dan latar belakang pendidikan yang rendah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap sumber ilmiah seperti jurnal akademik, laporan institusi, serta penulisan yang berkaitan dengan kehidupan komuniti nelayan. Dapatan kajian mengenal pasti pelbagai bentuk kekangan termasuk ketagihan dadah, kebergantungan</i>

<i>kepada amalan khurafat, ketandusan ilmu agama, dan kelemahan sistem sokongan dakwah sedia ada. Kajian ini menegaskan keperluan kepada pendekatan dakwah yang lebih kontekstual dan inklusif, berasaskan kefahaman terhadap realiti kehidupan nelayan pantai. Hasil kajian diharap dapat menyumbang kepada pembentukan dasar dakwah yang lebih berkesan dan mampan untuk golongan marjinal pesisir pantai.</i>

Kata kunci: Keterpinggiran, Nelayan, Pantai, Dakwah, Geografi.
--

PENDAHULUAN

Golongan nelayan pantai merupakan antara komponen penting dalam ekosistem maritim negara, khususnya dari segi sumbangan mereka terhadap sumber makanan laut dan keseimbangan sosioekonomi komuniti pesisir. Di Malaysia, mereka membentuk sebahagian besar tenaga kerja perikanan kecil, namun sering terpinggir daripada pelbagai aspek pembangunan termasuk pendidikan, kebajikan dan dakwah Islam (Zainal Abidin, 2013 & Ismail et.al, 2025).

Kehidupan mereka yang terikat dengan faktor geografi, ketidaktentuan pendapatan dan tahap pendidikan yang rendah telah menyebabkan mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial dan keagamaan yang kompleks. Isu-isu seperti penyalahgunaan dadah, ketagihan judi, kelalaian ibadah, dan penglibatan dalam amalan khurafat bukan sahaja menggambarkan kegagalan sistem sokongan sosial dan keagamaan, malah mencerminkan kelemahan pendekatan dakwah yang bersifat generik dan tidak kontekstual.

Menurut Aziz (2015), dakwah kepada komuniti marjinal memerlukan pendekatan yang inklusif dan memahami realiti kehidupan setempat, kerana kaedah dakwah konvensional seringkali tidak menyentuh akar permasalahan sebenar. Tambahan pula, institusi dakwah seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) walaupun aktif menyantuni masyarakat luar bandar, sering menghadapi kekangan dari sudut jangkauan, kepakaran dan keberlanjutan program (YADIM, 2023).

Kajian oleh Ahmad dan Ibrahim (2020) menunjukkan bahawa tahap kesedaran agama dalam kalangan nelayan di Terengganu, contohnya, sangat bergantung kepada sejauh mana penglibatan mereka dengan aktiviti keagamaan di peringkat komuniti. Tanpa pendedahan yang berterusan dan pendekatan yang mesra konteks, mereka mudah terpengaruh dengan anasir luar seperti materialisme, mistikisme, dan budaya popular yang tidak selari dengan ajaran Islam.

Oleh itu, adalah penting untuk menilai kembali strategi dakwah kepada golongan ini agar lebih lestari, responsif dan mampu mengatasi keperluan khusus komuniti nelayan pantai yang semakin terhimpit oleh cabaran zaman. Maka, kajian ini dijalankan untuk meninjau secara mendalam isu-isu sosial dan keagamaan yang membelenggu nelayan pantai di Malaysia. Pendekatan ini diharap dapat menyediakan asas yang kukuh kepada penyelidik, pendakwah dan pembuat dasar dalam merancang intervensi yang lebih efektif dan mampan, sekaligus memperkukuh jati diri keislaman dalam kalangan masyarakat pesisir.

SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa komuniti nelayan pantai di Malaysia berhadapan dengan pelbagai isu sosial yang memberi implikasi besar terhadap penerimaan dan keberkesanan dakwah Islam. Junaidi (2024) dan Wafi (2019) menegaskan bahawa kebanyakan nelayan pantai menumpukan kehidupan kepada usaha mencari rezeki semata-mata sehingga mengabaikan pendidikan agama. Hal ini menjadikan mereka kurang memahami aspek asas dalam Islam dan sekaligus menyukarkan proses pemindahan ilmu dakwah kepada mereka.

Kajian Maritje et al. (2024) dan Raduan & Amaluddin (2002) pula mendapati bahawa tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan nelayan menyumbang kepada kelemahan literasi agama. Mereka hanya mampu membaca dan menulis pada tahap asas, menyebabkan bahan dakwah bertulis sukar difahami, justeru membataskan kesedaran terhadap kewajipan ibadah dan akhlak Islamiah.

Dalam konteks tekanan hidup, Aisyah et al. (2024) dan Masyuri (2003) melaporkan peningkatan gejala sosial dalam kalangan nelayan termasuk jenayah kecil, masalah akidah dan ketagihan bahan terlarang. Tekanan ekonomi dan beban kerja fizikal menyebabkan ramai nelayan terjebak dalam ketagihan dadah, ketum dan aktiviti jenayah ringan, seperti dilaporkan oleh Muhaymin (2023) dan Nazialita (2016), yang menyatakan lebih 70% nelayan menghadapi masalah penyalahgunaan dadah.

Fenomena ini menunjukkan bahawa pendekatan dakwah yang sedia ada belum berjaya mengimbangi cabaran sosiobudaya dan keperluan psikospiritual golongan ini. Anak-anak nelayan turut terdedah kepada persekitaran negatif seperti pergaulan bebas, ketagihan dadah dan aktiviti jenayah, akibat pengabaian ibu bapa yang terlalu sibuk bekerja serta ketiadaan bimbingan rohani yang kukuh (Aisyah et al., 2024; Wafi et al., 2019).

Dari sudut keagamaan pula, kajian menunjukkan bahawa terdapat kekeliruan dalam kalangan nelayan terhadap ajaran Islam. Najihah et al. (2024) dan Rahman (1990) mendapati bahawa kekeliruan dalam memahami konsep bid'ah dan pertentangan pendakwah dalam menyampaikan ajaran agama telah menyebabkan segelintir nelayan menjauhi amalan ibadah. Dalam masa yang sama, terdapat juga kelompok nelayan yang terus mengamalkan ritual khurafat seperti upacara *mapanreritasi* yang menggunakan darah ayam sebagai pelindung semasa di laut, seperti dicatatkan oleh Rosmiza dan Sharifah (2021).

Selain itu, kajian oleh Sadin dan Samsul (2022) membuktikan bahawa pengaruh kepercayaan nenek moyang yang bercanggah dengan akidah Islam masih subur dalam amalan harian nelayan, terutama sebagai ikhtiar keselamatan semasa melaut.

Isu sinkretisme turut diketengahkan dalam beberapa kajian luar seperti oleh Muliadi dan Irwan (2024), serta Sunandar dan Tomi (2023), yang mendapati bahawa kepercayaan terhadap entiti ghaib seperti jin laut, bukit dan pokok menjadi sebahagian daripada pandangan hidup komuniti nelayan yang terpisah daripada pendedahan Islam yang sahih. Hal ini menunjukkan betapa dakwah yang tidak bersifat menyeluruh dan kontekstual tidak mampu menembusi kerangka kepercayaan warisan yang telah lama tertanam dalam budaya masyarakat pesisir.

Tambahan pula, laporan YADIM (2023) dan Bank Islam (2023) mengesahkan bahawa aktiviti dakwah yang dijalankan oleh badan-badan berautoriti masih bersifat bermusim, berskala kecil dan terhad kepada lokasi tertentu, tanpa ada kesinambungan dan kesan jangka panjang yang menyeluruh. Secara keseluruhannya, literatur semasa menggariskan bahawa isu pendidikan, tekanan sosioekonomi, budaya warisan, serta kelemahan strategi dakwah menjadi antara faktor utama yang menyumbang kepada keterpinggiran komuniti nelayan dalam arus dakwah.

Oleh itu, kajian ini hadir untuk mengisi kelompondongan dalam perbahasan akademik dengan menganalisis kekangan-kekangan ini secara mendalam bagi mencadangkan pendekatan dakwah yang lebih responsif dan lestari.

NAMA PENGARANG & TAHUN

ISU-ISU

(Junaidi, 2024; Wafi, 2019)

Tujuan hidup semata-mata bekerja dan wang sehingga ketinggalan dari aspek agama.

Kebanyakan nelayan pesisir pantai mempunyai tahap pendidikan yang sangat rendah iaitu hanya di peringkat sekolah rendah dan menengah sahaja. Ia disebabkan mereka merasakan bekerja dan mencari wang lebih penting daripada pendidikan. Apabila pendidikan diabaikan mereka sukar untuk

(Maritje et.al., 2024;
Raduan & Amaluddin, 2002)

menerima dakwah dan sukar untuk menghayati cara hidup Islam.

Tahap Pendidikan yang rendah menyebabkan sukar untuk membaca dan memahami bahan dakwah.

Rata-rata nelayan tahap pencapaian pendidikan mereka di tahap asas sahaja iaitu hanya mampu membaca, mengira dan menulis. Oleh kerana itu, mereka sukar untuk memahami isi kandungan bahan dakwah yang dibaca oleh mereka. Tahap kecerdasan minda yang rendah menyukarkan mereka untuk melakukan sesuatu suruhan agama dengan sempurna seperti mengerjakan ibadah harian yang memerlukan mereka mempelajarinya dengan lebih mendalam.

(Aisyah et.al., 2024;
Masyuri, 2003)

Tekanan hidup membawa kepada masalah sosial dan masalah akidah

Kesan tekanan hidup membawa mereka kepada masalah lain antaranya peningkatan masalah jenayah seperti kecurian, masalah sosial dan lebih berat lagi membawa kepada keruntuhan akidah. Ia berpunca daripada dakwah yang kurang berkesan terhadap mereka. Bentuk dakwah yang kurang menarik, bersifat lapuk dan kurang menarik minat mereka untuk menerimanya. Selain itu, tahap pendidikan mereka yang rendah memberi kesan dari aspek penerimaan dakwah. Pendekatan penyampaian dakwah perlu dikaji supaya bersesuaian dengan keadaan mereka.

Aisyah et.al., (2024), Wafi
et.al. (2019)

Anak-anak nelayan terjebak dengan ketagihan dadah, pergaulan bebas dan mencuri.

Pelbagai masalah sosial berlaku kepada anak-anak nelayan berusia 20-an. Mereka telah terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat seperti ketagihan dadah, ganja, rokok, pergaulan bebas dan mencuri semata-mata untuk mendapatkan wang. Selain itu, kecurian hasil laut turut berlaku dalam masa yang sama berlaku juga kecurian makanan kering di kedai-kedai di sekitar penempatan mereka. Punca wujudnya pelbagai masalah sosial adalah kesan pengabaian ibu bapa mereka kerana kesibukan kerja selain kurangnya penerapan nilai-nilai dakwah Islam ke dalam diri mereka. Anak-anak yang terisi di jiwanya dengan nilai dan akhlak Islam mampu berfikir dan menilai dengan baik seterusnya mampu mengekang dirinya daripada melakukan perkara-perkara yang memudaratkan dirinya.

(Muhaymin, 2023);
Nazialita, 2016)

70 peratus nelayan terlibat dengan ketagihan dadah disebabkan pekerjaan mereka yang berat.

Lebih 70 peratus nelayan di seluruh negara terlibat dengan masalah sosial khususnya ketagihan dadah dan ketum. Hal ini berpunca lokasi dan norma kerja sebagai nelayan menyebabkan pengedaran dadah berleluasa. Lebih membimbangkan mereka menjadikan tangkapan laut sebagai sistem *barter* untuk mendapatkan dadah. Dalam isu ini, dakwah dilihat masih tidak berjaya mengekang nelayan daripada penyalahgunaan dadah dan ketum. Nelayan masih tidak mampu untuk menilai apa yang baik dan buruk untuk diri mereka. Mereka juga mudah dipengaruhi dan diperdaya agar bergantung dengan bahan-bahan terlarang tersebut. Dalam hal ini, dakwah sepatutnya memainkan peranan penting bagi memastikan golongan nelayan terhindar daripada

(Rina, 2021)

pengambilan dadah dan ketum dalam masa yang sama menguatkan jati diri agar seluruh kehidupannya bergantung dengan Allah SWT.

Nelayan ketagihan berjudi

Nelayan ketagihan judi sama ada melakukannya secara atas talian mahu pun di kedai-kedai judi di sekitar kampung mereka. Hal ini kerana didikan agama yang kurang dan tidak mengambil berat terhadap Pendidikan menjadi punca mereka mudah terjebak. Oleh yang demikian, mereka merasakan hanya wang mampu menyelesaikan segala masalah yang membelenggu mereka.

*Najihah et.al. (2024),
Rahman (1990)*

Kekeliruan fahaman Agama

Pendakwah sering bertelagah hujah

Nelayan meninggalkan amalan ibadah kerana kekeliruan ajaran yang disampaikan.

Berlaku kekeliruan terhadap aktiviti ibadah nelayan. Hal ini kerana berlaku pertembungan fahaman agama dan pengajaran dalam kalangan pendakwah. Akibat daripada kekeliruan ini, mereka menjadikan sebagai hujah untuk mereka tidak melakukan ibadah-ibadah tertentu dengan mengatakan ianya sebagai *bid'ah*. Selain itu, masalah yang timbul di kalangan agamawan ialah penggunaan metode dakwah yang tidak menarik dan sering bertelagah antara satu sama lain.

*Baedowi (2024), Fina et.al.
(2019)*

Gagal menghayati ajaran Islam yang disampaikan

Nelayan masih tidak mampu memahami ajaran Islam dengan baik contohnya segelintir nelayan tidak berpuasa pada bulan Ramadhan bahkan tidak malu dan menunjukkan secara jelas bahawa mereka tidak berpuasa di khalayak umum. Selain itu, mereka menjadi boros dan tidak bijak mengurus wang apabila mereka mendapat pendapatan yang lumayan. Mereka juga gemar mensia-siakan masa yang ada dengan berehat sementara menunggu perginya angin monsun dan ribut.

Sadin dan Samsul (2022)

Mengamalkan amalan nenek moyang yang boleh menjejaskan akidah

Nelayan masih mengamalkan ajaran nenek moyang mereka. Sebahagian daripada ajaran tersebut bercanggah dengan ajaran agama Islam dan boleh merosakkan akidah. Mereka melakukannya kerana meyakini amalan tersebut akan mendatangkan manfaat dan menyelamatkan mereka daripada sebarang keburukan.

*Rosmiza dan Sharifah
(2021)*

Mempercayai ritual atau amalan khurafat

Segelintir masyarakat nelayan masih lagi menjalankan upacara yang dinamakan mapanreritasi. Mapanreritasi ialah penggunaan darah ayam untuk dihanyutkan ke laut dan mengelap darah tersebut di bot-bot bertujuan memohon kepada jin supaya terpelihara daripada sebarang perkara buruk di laut. Selain itu, mereka meyakini mereka tidak boleh menyapu lantai sebelum turun ke laut kerana perbuatan tersebut ibarat menghalau ikan di lautan. Mereka juga tidak boleh turun ke laut jika emosi nelayan tidak stabil kerana mempercayai akan ditimpa musibah ketika di tengah lautan.

*(Muliadi & Irwan, 2024;
Gusni, 2008).*

Mengamalkan amalan sinkretisme

(Sunandar & Tomi, 2023;
Qurratu & Zaizul, 2018)

Laporan Portal Yayasan
Dakwah Islam Malaysia
(YADIM) (2023)

Laporan Tahunan Bank
Islam (2023)

Segelintir nelayan mengamalkan amalan sinkretisme. Salah satu unsur dalam sinkretisme ialah kepercayaan terhadap makhluk jin yang dipercayai menjadi penunggu sesebuah tempat, laut, bukit, darat, sungai, batu dan pokok. Meyakini amalan sebegini adalah berpunca daripada kurangnya penghayatan ilmu agama di samping kesempitan hidup yang menekan mereka.

Program dakwah yang bersifat tahunan dan tidak menyeluruh

YADIM merupakan antara Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang sering menyantuni masyarakat nelayan dengan pelbagai program dakwah termasuklah di negeri Perak. Namun, program-program dakwah tersebut adalah bersifat tahunan dan hanya menumpukan beberapa lokasi sahaja dalam satu masa.

Dakwah yang tidak menyeluruh dan tiada penyampaian ilmu

Bank Islam turut menyantuni masyarakat nelayan pantai. Aktiviti yang dilakukan oleh mereka antaranya ziarah kampung, memberi sumbangan perkakasan dan zakat. Walaubagaimanapun, ia juga bersifat tahunan dan tertumpu kepada suatu lokasi sahaja.

Jadual 1.1: Kesimpulan isu nelayan pantai

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen sebagai strategi utama dalam mengumpulkan dan menganalisis data. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk memahami secara mendalam isu-isu kompleks yang melibatkan dimensi sosial dan keagamaan dalam komuniti nelayan pantai (Creswell, 2014).

Analisis dokumen membolehkan penyelidik menelusuri pelbagai sumber ilmiah dan laporan rasmi bagi mengenal pasti pola pemikiran, struktur sosial, dan kekangan dakwah yang membelenggu komuniti marginal ini. Pendekatan ini juga selaras dengan kaedah penyelidikan sosial yang digunakan dalam kajian terhadap kelompok terpinggir yang sukar diakses secara langsung (Bowen, 2009).

Sumber data diperoleh melalui telaah sistematik terhadap jurnal akademik berwasit, laporan tahunan institusi dakwah seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM, 2023), laporan tanggungjawab sosial korporat oleh institusi seperti Bank Islam (2023), serta artikel dan laporan penyelidikan terdahulu yang relevan dengan konteks masyarakat nelayan. Pemilihan dokumen dibuat berdasarkan kriteria ketulenan, kebolehpercayaan dan kesesuaian kandungan dengan objektif kajian (O'Leary, 2017). Kesemua bahan dianalisis secara deskriptif dan tematik.

Proses analisis dijalankan menggunakan kaedah analisis tema (thematic analysis) bagi mengenal pasti isu-isu dominan dalam bahan-bahan yang dikaji. Proses ini melibatkan pembacaan berulang, pengekodan terbuka, dan pengelompokan kod kepada tema-tema utama seperti kekeliruan fahaman agama, keterbatasan pendidikan, amalan sinkretik, dan ketagihan sosial. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengenal pasti hubungan antara kekangan sosial dan keagamaan yang menyebabkan kegagalan penyampaian dakwah kepada komuniti nelayan pantai (Braun & Clarke, 2006).

Penyelidik turut melaksanakan proses triangulasi data secara dalaman melalui perbandingan silang dokumen bagi meningkatkan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan (Lincoln & Guba, 1985). Secara keseluruhan, kaedah ini memberikan peluang kepada penyelidik untuk membina kefahaman mendalam terhadap realiti komuniti nelayan yang sering terpinggir daripada arus dakwah, serta menyumbang kepada perumusan strategi dakwah yang lebih kontekstual dan mampan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keterpinggiran komuniti nelayan pantai dalam arus dakwah Islam berpunca daripada pelbagai faktor yang saling berkait dan merentas aspek sosial, pendidikan, ekonomi serta keagamaan. Pertama, kekangan dari sudut pendidikan jelas menjadi antara punca utama yang menyebabkan golongan ini sukar menerima mesej dakwah secara efektif. Kajian mendapati bahawa majoriti nelayan pantai hanya memiliki tahap pendidikan rendah iaitu pada peringkat sekolah rendah atau menengah sahaja, dan sebahagiannya buta huruf fungsian (Junaidi, 2024; Maritje et al., 2024).

Tahap literasi agama yang rendah menyebabkan mereka sukar memahami bahan dakwah bertulis, sekaligus membataskan keupayaan untuk mendalami ajaran Islam secara menyeluruh. Kedua, tekanan hidup akibat kemiskinan dan ketidakstabilan pendapatan mendorong sebahagian daripada mereka terlibat dalam gejala sosial seperti ketagihan dadah, pergaulan bebas, perjudian dan kecurian (Muhaymin, 2023; Aisyah et al., 2024). Data yang dikumpul menunjukkan bahawa lebih 70% daripada nelayan pantai berdepan masalah ketagihan, dan sebahagiannya menukar hasil laut kepada bahan terlarang secara sistem barter (Nazialita, 2016).

Hal ini bukan sahaja menjejaskan integriti sosial masyarakat, tetapi turut membentuk suasana yang tidak kondusif untuk pemupukan nilai-nilai Islam. Ketiadaan sistem sokongan komuniti yang kukuh serta kekurangan program pemulihan berasaskan keagamaan memburukkan lagi keadaan.

Ketiga, aspek keagamaan pula menunjukkan wujudnya kekeliruan dalam kalangan nelayan terhadap konsep ibadah dan akidah. Sebahagian daripada mereka meninggalkan amalan fardu seperti solat dan puasa kerana keliru dengan ajaran yang disampaikan oleh pendakwah yang tidak sepakat dalam pendekatan mereka (Najihah et al., 2024; Rahman, 1990).

Dalam beberapa kes, wujud pertembungan fahaman antara pendakwah tradisional dan golongan salafi yang membawa kepada perpecahan dan kebingungan dalam kalangan komuniti nelayan. Tambahan pula, mereka juga terpengaruh dengan ajaran khurafat yang diwarisi secara turun-temurun, seperti amalan *mapanreritasi* dan pantang larang laut, yang dipercayai mampu mengelakkan bencana ketika melaut (Rosmiza & Sharifah, 2021).

Keempat, faktor budaya sinkretik turut menyumbang kepada ketandusan penghayatan Islam yang sebenar. Kajian mendapati bahawa terdapat kepercayaan terhadap kewujudan makhluk ghaib seperti jin laut, penunggu pokok dan batu, yang dipercayai memberi perlindungan atau petunjuk kepada nelayan (Muliadi & Irwan, 2024; Sunandar & Tomi, 2023). Kepercayaan ini mencerminkan kelemahan dalam pemahaman konsep tauhid dan menjelaskan betapa perlunya pendekatan dakwah yang lebih bersifat pembetulan akidah secara berperingkat dan berhikmah.

Akhir sekali, daripada aspek institusi, dapatan menunjukkan bahawa program dakwah yang dijalankan oleh agensi agama seperti YADIM dan institusi kewangan Islam hanya bersifat tahunan, berskala kecil dan tidak menyeluruh (YADIM, 2023; Bank Islam, 2023). Program seperti pemberian sumbangan, ceramah dan lawatan singkat gagal membentuk impak yang berpanjangan dalam pembentukan sahsiah dan kefahaman agama komuniti nelayan.

Ketiadaan pelan jangka panjang serta kekurangan pendakwah terlatih yang memahami budaya nelayan menyumbang kepada kegagalan program-program ini dalam mencapai matlamat dakwah sebenar. Secara keseluruhannya, dapatan ini mencerminkan bahawa komuniti nelayan pantai bukan sahaja berdepan dengan keterpinggiran fizikal dan ekonomi, tetapi turut mengalami keterpinggiran spiritual dan intelektual dalam arus dakwah negara. Oleh itu, usaha dakwah perlu dibina semula dengan pendekatan yang bersifat holistik, kontekstual dan berpaksikan kepada realiti kehidupan masyarakat marginal maritim.

MODEL KONSEPTUAL INTERVENSI DAKWAH KOMUNITI MARGINAL

Model konseptual intervensi dakwah komuniti marginal ini dibangunkan bagi menjawab keperluan mendesak terhadap pendekatan dakwah yang lebih bersifat inklusif, responsif, dan kontekstual, khususnya dalam menangani keterpinggiran komuniti nelayan pantai di Malaysia. Model ini berasaskan prinsip bahawa dakwah bukan sekadar penyampaian ilmu agama secara formal, tetapi suatu proses pembentukan jiwa, kesedaran dan struktur sosial yang holistik (Adi, 2013; Suharto, 2014).

Dalam konteks ini, intervensi dakwah perlu dilihat sebagai satu usaha yang melibatkan pemahaman terhadap dimensi realiti hidup masyarakat marginal, termasuk tekanan ekonomi, tahap pendidikan, persekitaran budaya dan amalan warisan yang membentuk cara mereka memahami agama (Fitriyani & Faridh, 2021). Model ini dimulakan dengan asas diagnosis sosial, iaitu langkah awal yang menuntut pendakwah dan institusi berkaitan untuk memahami akar masalah yang dihadapi komuniti marginal secara mendalam. Diagnosis ini melibatkan pemerhatian terhadap faktor seperti kejahilan agama, pengaruh budaya khurafat, ketagihan sosial, dan kekeliruan fahaman yang berpunca daripada pertentangan antara pendakwah.

Dalam proses ini, pendakwah perlu memainkan peranan sebagai pengamal sosial yang empatik dan bukan sekadar penyampai maklumat agama secara satu hala. Penilaian konteks ini penting agar pendekatan yang dirangka tidak bersifat generik, sebaliknya berpijak kepada realiti lapangan (Korten, 1982).

Setelah itu, model ini mencadangkan fasa pembinaan hubungan (engagement) sebagai asas pengaruh dakwah. Dalam komuniti marginal seperti nelayan pantai, kepercayaan dan penghormatan tidak mudah diperoleh melainkan dengan kehadiran yang konsisten, komunikasi mesra budaya, dan sikap memahami beban hidup mereka. Dakwah yang datang hanya setahun sekali dengan ceramah satu hala tidak cukup untuk membentuk kepercayaan. Sebaliknya, pendekatan berbentuk fasilitasi, dialog terbuka, dan aktiviti gotong-royong bersama lebih berkesan untuk membuka ruang pemindahan nilai secara tidak langsung. Di sinilah peranan dakwah bil hal menjadi tonggak utama – iaitu dakwah melalui kehadiran, teladan, dan khidmat sosial yang membina kesedaran spiritual secara berperingkat (Ramdani, 2018).

Fasa ketiga dalam model ini ialah pemerdayaan komuniti (community empowerment). Dakwah kepada komuniti marginal tidak boleh dipisahkan daripada pemerdayaan ekonomi, literasi dan struktur sosial. Pendekatan ini berpaksikan kepada falsafah dakwah yang membina kemandirian, bukan kebergantungan. Oleh itu, intervensi dakwah mesti disepadukan dengan program kemahiran asas, kewangan Islam, pendidikan keluarga, dan pemupukan identiti kolektif Islam yang progresif.

Pendakwah tidak boleh berperanan secara bersendirian, tetapi perlu bergandingan dengan agensi pembangunan, NGO, dan institusi kewangan Islam seperti zakat dan baitulmal untuk mewujudkan ekosistem dakwah yang lestari. Dalam hal ini, prinsip maqasid al-shariah boleh dijadikan kerangka asas bagi memastikan dakwah membawa kepada penjagaan agama, akal, keturunan, harta dan nyawa komuniti yang terlibat (Suharto, 2014; Chambers, 1987; Zafri, 2023).

Akhir sekali, model ini menekankan keperluan kepada pemantauan dan penyesuaian berterusan (adaptive feedback). Dakwah kepada komuniti marginal tidak boleh bersifat tetap dan satu arah. Ia mesti sentiasa diperbaiki melalui maklum balas dari komuniti, pengukuran keberkesanan program, serta refleksi sendiri oleh para pendakwah dan institusi pelaksana. Hal ini penting bagi memastikan bahawa dakwah benar-benar memberi kesan, dan bukan sekadar memenuhi indikator penyampaian.

Melalui penyesuaian ini juga, model intervensi boleh dikembangkan kepada komuniti marginal lain seperti masyarakat Orang Asli, golongan gelandangan, atau penduduk pedalaman Sabah dan Sarawak (Fitriyani & Faridh, 2021; Adi, 2013; Japeri et al., 2024). Secara keseluruhannya, model konseptual ini menegaskan bahawa intervensi dakwah yang berkesan kepada komuniti marginal seperti nelayan pantai memerlukan pendekatan yang berlapis; bermula dengan diagnosis sosial, pembinaan hubungan,

pemeriksaan komuniti, dan berakhir dengan penilaian dinamik yang berterusan. Hanya dengan pendekatan yang bersifat menyeluruh, terancang dan kolaboratif inilah keterpinggiran komuniti marginal dalam arus dakwah dapat diatasi secara tuntas dan berkesan.

KESIMPULAN DAN SARANAN

Kajian ini telah memperlihatkan bahawa keterpinggiran komuniti nelayan pantai dalam arus dakwah bukan sekadar berpunca daripada kelemahan sistem dakwah sedia ada, tetapi turut disumbang oleh faktor-faktor sosial, ekonomi, pendidikan dan budaya yang saling bertindih. Dalam realiti kehidupan mereka yang serba mencabar, isu kejahilan agama, pengaruh amalan warisan yang bercanggah dengan aqidah, serta dominasi tekanan hidup menjadi penghalang besar kepada penerimaan dakwah secara menyeluruh.

Tambahan pula, kekeliruan fahaman akibat ketidaksepakatan dalam pendekatan dakwah serta program-program dakwah yang bersifat tempoh pendek dan tidak kontekstual telah mengukuhkan lagi jurang antara idealisme dakwah dan realiti kehidupan nelayan pantai. Keseluruhan dapatan dan analisis menunjukkan bahawa pendekatan dakwah konvensional memerlukan penilaian semula dan pembinaan semula berdasarkan model intervensi yang bersifat menyeluruh, responsif serta berpaksikan kepada maqasid al-shariah dan realiti setempat.

Komuniti marginal seperti nelayan pantai tidak memerlukan sekadar ceramah agama tahunan atau bantuan berbentuk fizikal semata-mata, tetapi satu plan dakwah berasaskan pembinaan jati diri, pemeriksaan komuniti, dan kehadiran dakwah yang hidup dan relevan dalam keseharian mereka.

Berdasarkan kesimpulan tersebut, beberapa saranan utama dikemukakan untuk tindakan institusi dakwah, agensi kerajaan, dan pengkaji pada masa akan datang. Pertama, pihak berwajib perlu membangunkan plan dakwah berteraskan komuniti (community-based dakwah) yang berpusatkan kepada pendekatan jangka panjang, bersifat pendidikan rohani dan sosial, serta dijalankan oleh pendakwah yang terlatih memahami budaya maritim. Pendakwah perlu dilengkapi dengan kemahiran komunikasi antara budaya, pengetahuan sosiologi masyarakat pesisir, dan keupayaan untuk membina hubungan berasaskan empati.

Kedua, kolaborasi rentas agensi antara institusi agama, agensi perikanan, pendidikan, dan kebajikan sosial amat penting dalam membina ekosistem dakwah yang menyeluruh. Pelaksanaan program literasi agama, pendidikan dewasa, serta pemeriksaan ekonomi seperti koperasi Islam nelayan boleh menjadi pemangkin kepada perubahan menyeluruh yang lebih lestari. Ketiga, kajian lanjutan perlu dilaksanakan dengan pendekatan lapangan secara etnografi atau kajian tindakan bagi membina strategi dakwah yang benar-benar berpijak kepada konteks kehidupan nelayan dan tidak hanya berpaksikan andaian dari luar.

Akhir sekali, adalah dicadangkan agar model intervensi dakwah komuniti marginal yang dibangunkan dalam kajian ini diguna pakai sebagai kerangka asas dalam penggubalan dasar-dasar dakwah luar bandar. Pelaksanaan yang sistematik dan dinamik terhadap model ini berpotensi mengangkat martabat spiritual dan sosial komuniti nelayan pantai serta mengurangkan jurang marginalisasi mereka dalam lanskap pembangunan Islam negara.

RUJUKAN

- Adi, I. R. (2013). *Intervensi komunitas dan pengembangan masyarakat*. Rajawali Pers.
- Chambers, R. (1987). *Sustainable rural livelihoods: Practical concepts for the 21st century* (IDS Discussion Paper No. 296). IDS.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Sage Publications.
- Masyuri, M. (2003). *Dakwah dan perubahan sosial di kawasan pesisir*. Lembaga Dakwah Indonesia.

- O'Leary, Z. (2017). *The essential guide to doing your research project* (3rd ed.). Sage.
- Rahman, A. (1990). *Amalan dan kepercayaan masyarakat pesisir di Pantai Timur Semenanjung Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suharto, E. (2014). *Pembangunan sosial dan pemberdayaan masyarakat*. Refika Aditama.
- Sunandar, H., & Tomi, F. (2023). *Religi rakyat dan kepercayaan nelayan di Indonesia*. Penerbit SantriPress.
- Zainal Abidin, M. (2013). *Pembangunan komuniti nelayan di Malaysia: Isu dan cabaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jurnal

- Ahmad, Z., & Ibrahim, R. (2020). Tantangan dakwah kepada komuniti nelayan di Terengganu. *Jurnal Dakwah dan Pembangunan Insan*, 8(2), 45–58.
- Aisyah, N., Latifah, S., & Idris, M. (2024). Tekanan hidup dan impaknya terhadap masyarakat nelayan pantai. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 12(1), 35–47.
- Aziz, M. A. (2015). Strategi dakwah terhadap komuniti marjinal: Satu kajian awal. *Jurnal Pengajian Dakwah Malaysia*, 2(1), 19–32.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Fitriyani, S. N., & Faridh, T. A. (2021). Intervensi komunitas Majelis Pemberdayaan Masyarakat Muhammadiyah pada kelompok marginal Piyungan Yogyakarta. *Al-Hikmah: Jurnal Studi Agama-Agama*, 7(1), 74–99.
- Ismail, S., & Osmani, A. S. (2025). Analysis of contemporary da'wah strategies in Malaysia: Analisis strategi dakwah kontemporari di Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(7), 55–67.
- Japeri, Yunus, M., Sabiruddin, Wan Chik, W. M. Y., & Mohd Fadzli, A. I. (2024). Grounding *Maqasid Sharia* in the da'wah and cultural practices of Islamic society: Pembumian *Maqasid Syariah* dalam dakwah dan budaya masyarakat Islam. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(6), 31–46.
- Junaidi, A. (2024). Kepentingan pendidikan agama dalam komuniti maritim: Kajian kes nelayan pantai. *Jurnal Dakwah Nusantara*, 10(2), 88–102.
- Korten, D. C. (1982). Community organization and rural development: A learning process approach. *Public Administration Review*, 42(5), 480–511.
- Maritje, R., Abdullah, R., & Syarif, A. (2024). Literasi agama dalam kalangan nelayan: Satu tinjauan. *Jurnal Islam dan Komuniti*, 15(1), 22–38.
- Muhyamin, H. (2023). Ketagihan dalam kalangan nelayan dan cabaran dakwah. *Jurnal Psikososial & Dakwah*, 7(3), 45–59.
- Muliadi, R., & Irwan, M. (2024). Sinkretisme dalam budaya pesisir: Kajian ke atas komuniti maritim Indonesia. *Jurnal Budaya dan Agama*, 9(1), 11–26.
- Najihah, A., Razali, M., & Hafiz, S. (2024). Kekeliruan ajaran agama dalam kalangan komuniti nelayan. *Jurnal Fiqh & Dakwah*, 6(2), 71–84.
- Raduan, C. R., & Amaluddin, A. (2002). Kualiti hidup dan cabaran pendidikan komuniti nelayan di Malaysia. *Akademika*, 60, 23–41.
- Ramdani, F. (2018). *Strategi pemberdayaan masyarakat menurut Muhammadiyah (Studi kasus di TPST Desa Sitimulyo, Piyungan, Bantul, Yogyakarta)* [Skripsi, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta].
- Rosmiza, M. Z., & Sharifah, Z. (2021). Ritual laut dalam komuniti nelayan dan implikasi terhadap akidah. *Jurnal Pengajian Melayu*, 29(2), 113–129.
- Sadin, M., & Samsul, B. (2022). Tradisi dan kepercayaan komuniti nelayan: Antara budaya dan akidah. *Jurnal Warisan Melayu*, 5(1), 55–70.
- Wafi, A. M. (2019). Cabaran pendidikan Islam dalam komuniti pesisir. *Jurnal Pendidikan Islam Nusantara*, 3(1), 44–58.

Zafri, N. D., Opir, H., & Yahaya, A. M. (2023). Criteria and approach of *sharia*-compliant interactive da'wah through social media: Kriteria pendekatan dakwah interaktif patuh syariah di media sosial. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2), 98–106.

Laporan

Bank Islam. (2023). *Laporan tahunan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR)*. Bank Islam Malaysia Berhad.

Nazialita, M. (2016). Isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan nelayan pantai: Satu analisis sosio-agama. *Laporan Penyelidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. (2023). *Laporan tahunan program dakwah luar bandar*. YADIM.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.